



# **AMANAT PIMPINAN**

## **" NAHDAH UMAT: AGENDA GERAK KERJA DAKWAH"**

Dato' Ahmad Azam Ab Rahman  
Presiden WADAH

---

**MUKTAMAR NASIONAL (MUKNAS)  
WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA  
KALI KE-15  
24 - 25 Disember 2021**



## NAHDAH UMAT: AGENDA GERAK KERJA DAKWAH

Dato' Ahmad Azam Ab Rahman  
Presiden  
Wadah Pencerdasan Umat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan,  
Ketua Majlis Istisyari Wadah,  
Para Qiadah WADAH, ABIM dan PKPIM,  
Para Muktamirin dan Muktamirat sekelian.

Assalamualaikum warahmatullah

### Mukaddimah

Kesyukuran setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT kerana telah mempermudah segala urusan dan persiapan Muktamar Nasional WADAH kali ke-15.

Muktamar WADAH pada tahun ini terpaksa dilaksanakan secara dalam talian kerana negara kita, sebagaimana negara-negara lain masih berhadapan dengan cabaran menangani penularan wabak Covid-19.

Selaku badan dakwah yang menekankan pendekatan *jamahiriah*, gerakan kita perlu memperkuuh usaha membantu negara menangani cabaran-cabaran lokal dan global yang semakin menggugat umat.

### Bakti Umat Bantu Mustad'afin

Wabak Covid-19 adalah salah satu cabaran global terkini yang mesti ditangani bersama. Harakah kita perlu bergerak ke hadapan membantu masyarakat dan negara mengatasi pandemik ini. Kita ingin menganjurkan seluruh rangkaian pergerakan WADAH mengiatkan program Bakti Umat dengan mengenal pasti kelompok sasaran mustad'afin di kawasan setempat, dan seterusnya mengambil inisiatif menjayakan program bantuan ehsan dan kebajikan secara berterusan.

WADAH di peringkat negeri dan daerah hendaklah menjalin kerjasama dengan pihak lain di lapangan seperti majlis agama, institusi masjid, pertubuhan penduduk serta badan korporat bagi menyelaraskan program Bakti Umat ini dalam bentuk bantuan ehsan, khidmat rundingan dan serta nasihat.

Banyak pihak telah menerima kesan daripada penularan wabak ini sehingga menjejaskan kesihatan mental, fizikal, emosi serta sumber pendapatan. Program Bakti Umat ini adalah suatu bentuk dakwah *bil hal* yang mesti kita terus agendakan dalam rangka kerja harakah kita.

### Tahun Kesedihan: Murabbi Umat Pulang ke Rahmatullah

Tahun ini merupakan Aam al-Huzn (عام الحزن) bagi harakah kita. Dua tokoh utama yang merupakan murabbi dan pimpinan harakah telah kembali ke alam abadi. Peranan dan sumbangan almarhum Ustaz Dr Siddiq Fadzil dan Cikgu Hj. Ab Halim Ismail terhadap pembangunan harakah dakwah WADAH-ABIM-PKPIM sungguh besar tidak terhitung. Kini, bicara mereka yang tertib penuh hikmah tidak kedengaran lagi. Kehilangan mereka amat dirasai kerana kedua-duanya telah menyerahkan seluruh jiwa raga untuk kemajuan dakwah. Mereka berdua umpama tiang seri, menjadi ibarat ‘orang tua’ yang sentiasa memberi tunjuk ajar, memandu kefahaman dan pada keadaan tertentu menjentik kealpaan kita para petugas dakwah di tengah-tengah medan yang penuh dengan cabaran, kesibukan dan kepentingan.

Ustaz Siddiq (yang kembali pada 31 Ogos 2021) dan Cikgu Ab Halim Ismail (yang kembali pada 26 Ogos 2021), adalah antara Murabbi Umat bagi harakah kita yang telah berjuang di medan dakwah hingga ke nafas terakhir. Mereka bagai mutiara berharga yang mesti dijadikan teladan kepada generasi baru penerus perjuangan dakwah. Mereka telah meletakkan keutamaan dakwah sebagai yang tertinggi dalam kehidupan dan sedia berkorban tenaga dan harta demi harakah tercinta.

Walaupun perasaan kita masih sedih dengan kehilangan para dai umat ini, kesaksian kita amat yakin iaitu mereka adalah tergolong dalam kalangan mujahidin dakwah yang sentiasa hidup walaupun telah kembali ke alam abadi, sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَحْسِنَ الَّذِينَ قُتُلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَالًا بَلْ أَحْيَاهُ عَنْ دُرْبِهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿آل عمران: ١٦٩﴾

Maksud: *Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.*

Di sinilah juga kita benar-benar terkesan dengan peringatan almarhum Dato' Dr Siddiq Fadzil lapan tahun yang lalu (2013):

*WADAH ini adalah wadah perjuangan, bukan sarang pengampu. Kerana itu ia tidak menampilkan pengabdi kekuasaan. Yang ditampilkan adalah pahlawan pejuang idealisme keislaman dan kerakyatan. Yang namanya wira bukan asal perkasa, tetapi pejuang idealisme dan cita-cita luhur, yang tulus berbakti dan berkorban tanpa mengharap balasan selain*

*keredhaan Tuhan. Pahlawan adalah relawan yang sanggup malang-melintang tanpa meminta bayaran atau menginginkan bintang kebesaran. Pahlawan adalah manusia berwatak unggul yang mencerminkan nilai-nilai mulia keperibadian bangsanya. Seorang pahlawan mungkin sahaja dimakamkan di tengah perkuburan rakyat, bahkan mungkin tidak diketahui di mana ia dikuburkan. Pahlawan adalah watak-watak inspiring yang abadi dalam memori kolektif sesuatu bangsa.*

Dukacita dan salam takziah juga kita ucapkan kepada para Murabbi Umat yang turut kembali ke Rahmatullah pada tahun ini, antaranya, Bapak Mohammad Siddik (29 Jun 2021), Dato' Dr. Abdulhamid Abu Sulayman (18 Ogos 2021), Ust. Dr. Mohd Arshad Taib (26 Oktober 2021), dan Syeikh Ahmad Fahmi Zam Zam (30 Oktober 2021). Marilah kita mendoakan semoga mereka memperoleh keampunan Allah SWT dan rohnya bersama para solehin. Al-Fatihah.

### **Nahdah Umat: Komitmen Harakah Islam**

Bersempena 15 tahun penubuhan WADAH pada tahun ini, kita ingin mempertegas komitmen sebagai sebuah harakah dakwah, untuk terus menyumbang kepada cita-cita menjayakan Nahdah Umat yang telah menjadi keutamaan harakah Islamiah di seluruh dunia.

Nahdah ialah sebuah projek pentamadunan umat berdasarkan harapan untuk mengembalikan semula peranan utamanya sebagai Khayra Ummah – Umat Terbaik di muka bumi ini. Pejuangan menjayakan Nahdah adalah sebuah respons daripada kesedaran umat Islam terhadap realiti kemunduran dan kelemahan Ummah dalam segenap aspek kehidupan sejak beberapa abad lalu. Kelemahan ini mengakibatkan peranan Umat Islam sebagai *Ummatan Wasata* atau Umat yang Adil dan Berkualiti tidak mampu berfungsi di pentas sejarah kemanusiaan mutakhir.

Umat Islam di pentas sejarah kini dilambangkan dalam keadaan ‘krisis’ yang terzahir pada sifat lesu dan beku dan sedang menghadapi fenomena kejatuhan dalam ketamadunannya. Dalam telahan tentang keadaan ummah masa kini oleh almarhum Abdulhamid AbuSulayman, beliau menyatakan (AbdulHamid, 1993: 1-2):

*The Ummah has been in decline for several centuries. All of it, save a few remote geographical regions, came under the sway of European imperial power. Perhaps even more painful is the fact that, even today, the Ummah continues to represent spheres of influence. The entire world vies for supremacy over its strategically valuable territory, important markets for foreign industry, raw materials and cheap unskilled labor. And this is happening at a time when the Ummah is unable to feed itself and remains in dire need of industry as well as a scientific and technological base, technical experience, advanced institution of technology, and all the elements of independent power.*

Permasalahan kejatuhan dan kelesuan umat ini telah menjadi satu subjek dan tema besar dalam wacana pembangunan semula tamadun Islam di kalangan sarjana dan

aktivis harakah Islamiah. Mereka telah memberikan buah fikiran pelbagai dan tersendiri tentang kaedah dan jalan keluar terbaik terhadap kemelut yang dihadapi ummah masa kini.

Sebagai harakah dan kita selaku aktivis dakwah mestilah terus mewacanai dan menghayati pedoman fikrah pembinaan tamadun ummah yang terkandung dalam banyak karya oleh para mufakkir Islami seperti Muhammad Iqbal, Malik Bennabi, Ismail al-Faruqi, Muhammad Imarah, Yusof al-Qaradhawi dan lain-lain lagi.

Dalam hubungan mengatasi kemelut dan krisis ummah ini, idea Nahdah menjadi tema besar mufakkir Islami semasa yang dilihat sebagai jalan dan landasan paling ampuh bagi membina semula kegemilangan ummah. Nahdah dalam konteks ini boleh difahami sebagai projek ketamadunan demi mengangkat kembali kedudukan ummah bagi mengembalikan semula peranan dan fungsi kelahirannya sebagai Rahmatan lil 'Alamin – pembina kesejahteraan tamadun insaniah di muka bumi.

Menurut Profesor Ismail al-Faruqi, Nahdah sebagai sebuah projek ketamadunan ummah didasarkan pada cita-cita memastikan umat Islam berkeupayaan seperti berikut (Al-Faruqi 1968:15-23):

*... seizing their destiny and guiding their development by their own hand. At present, our society is undergoing a process of nahdah. The substance, namely the ummah and its religion, Islam, still the same. Their potentialities however, have been inoperative. As societies or as individuals, the Muslims have been inefficient in recognizing – let alone using – their own strengths.*

Nahdah dalam hubungan ini sebagaimana maksud yang dihuraikan oleh al-Faruqi adalah satu bentuk strategi bagi menjayakan kembali kebangunan ummah dalam segala segi dan dimensinya. Hanya dengan menerusi proses menjayakan Nahdah iaitu program kebangunan ummah secara menyeluruh, cita-cita merealisasikan Khayra Ummah akan tercapai.

Selaku sebuah harakah Islam berciri moden dan mendokong manhaj Islah dan tajdid – pembaikan dan pembaharuan berterusan dalam segenap aspek kehidupan ummah, kita tidak boleh sama sekali kelihatan *absent* atau ketinggalan dan lewa dalam proses menjayakan Nahdah Umat. Andainya kita bersikap lewa dan leka pada tanggungjawab keagamaan ini, Ummah akan berterusan menanggung nasib malang di pentas sejarah tamadun manusia hari ini. Sekiranya hal ini berterusan terjadi, pasti Umat Islam akan berterusan dalam keadaan tidak berkeupayaan untuk berperanan menyebarkan rahmat llahi ke sekelian alam.

Sehubungan itu, marilah kita selaku aktivis harakah Islamiah untuk meningkatkan komitmen dakwah terhadap cita-cita menjayakan Nahdah Umat kerana kemaslahatannya yang besar kepada insan dan kehidupan.

### **Nahdah Umat: Simpang Siur dan Hambatan**

Komitmen kita dalam menjayakan Nahdah Umat hendaklah diiringi dengan sikap cermat, waspada dan cekal mendepani kenyataan iaitu proses menjayakannya harus

mendepani simpang siur dan hambatan berliku. Dalam hubungan ini, para pendakwah di jalan Allah SWT telah diberi peringatan akan liku-liku yang merupakan satu lumrah dalam perjuangan. Allah SWT berfirman:

أَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَقَرًا فَاصِدًا لَا تَتَبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعْدَثَ عَلَيْهِمُ الشَّفَةُ ﴿الْتَّوْبَةٌ: ٤٢﴾

Maksud: *Kalau apa yang engkau serukan kepada mereka (wahai Muhammad) sesuatu yang berfaedah yang sudah didapati, dan satu perjalanan yang sederhana (tidak begitu jauh), nescaya mereka (yang munafik itu) akan mengikutmu; tetapi tempat yang hendak dituju itu jauh bagi mereka.*

Simpang siur Nahdah Umat hari ini terzahir dalam pelbagai manifestasi dan realiti. Hambatannya tergambar dalam citra kelesuan rohaniah dan akliah, kemunduran budaya, akal budi dan akhlak, perpecahan dan kemudurran ekonomi, kebejatan urus tadbir pemerintahan serta serangan ideologi asing berlandaskan faham kebendaan.

Jelas, hambatan terhadap Nahdah Umat hari ini rencam dan kompleks. Di arena antara bangsa simpang siurnya didapati bertambah rumit kini. Agenda neoimperialisme masih berleluasa bergerak dengan licik, penularan Islamophobia terus berleluasa dan tatacara perpolitikan dunia berat sebelah terus bermaharajalela yang kelihatan tidak menyebelahi kepentingan dunia Islam.

Dalam hubungan ini, WADAH akan terus menyatakan sikap dan pendirian serta berusaha mengatasi pelbagai hambatan yang melanda umat Islam di peringkat global walaupun terdapat simpang siur yang berliku. WADAH kini sedang mengikuti dengan dekat perkembangan umat Islam di Sudan pasca pengambilan kuasa terbaru tentera baru-baru ini. Dalam masa yang sama, kita akan terus memberikan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin, Syria, Yeman, Rohingya dan Uyghur yang sedang berhadapan dengan musibah dan penindasan. WADAH ingin menyatakan keimbangan terhadap langkah normalisasi sesetengah negara Islam dengan Israel dan akan mengikuti perkembangan politik Timur Tengah dengan lebih teliti terutama implikasi langkah normalisasi tersebut terhadap umat Islam di Malaysia.

Namun, dalam masa yang sama, WADAH ingin mengalu-alukan inisiatif positif ke arah Kesatuan Ummah menerusi penyelesaian konflik antara sesama negara Islam yang sedang aktif dijayakan pada hari ini. Inisiatif Turki mengukuhkan kerjasama dengan beberapa negara serantau yang kelihatan renggang sebelum ini terutama dengan Mesir wajar dihargai. Malah, kita akan meneliti dengan lebih dekat inisiatif dialog di antara Arab Saudi dan Iran yang telah berlangsung beberapa kali. Kesemua inisiatif ini adalah mustahak dan akan memberi kesan langsung terhadap pencapaian keamanan di Timur Tengah dan kemakmuran dunia Islam secara keseluruhan.

Sebagai gerakan dakwah berorientasikan ummah, WADAH akan terus mengambil perhatian, terus peka dan bertindak pada kadar keupayaannya mengatasi pelbagai hambatan dakwah di peringkat antarabangsa ini. Sehubungan itu, para aktivis WADAH dianjurkan untuk giat meningkatkan kepekaan terhadap isu-isu ummah antarabangsa menerusi pembacaan serta wacana.

Alhamdulillah, sejarah ketokohan gerakan kita dalam menjaga kepentingan ummah telah memberi keyakinan pelbagai pihak di dalam dan luar negara untuk mendapatkan

rundingan dan panduan bagi menangani isu-isu antarabangsa yang rumit kini. Dimensi Dakwah Global yang merupakan satu ciri unggul harakah dakwah kita mesti terus dipertahankan dan diperkujuh. WADAH mesti ke hadapan memimpin umat Islam terutamanya dalam memperjuangkan isu-isu berkepentingan ummah di peringkat antarabangsa.

Dalam hubungan ini, kita ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri Malaysia di atas kepercayaannya memberikan tanggungjawab kepada WADAH untuk menyelaras usaha perhubungan dan bantuan kemanusiaan kepada umat Afghanistan setelah pengunduran Amerika Syarikat pada Ogos 2021 lalu. Perlantikan Presiden WADAH oleh Kementerian Luar Negeri sebagai Penasihat Khas bagi Hal Ehwal Afghanistan pada 26 September 2021 adalah pengiktirafan negara terhadap kepemimpinan harakah kita. Peranan khas yang diamanahkan ini akan memberi peluang kepada WADAH menggembung pandangan daripada pelbagai pihak dan menasihati kerajaan Malaysia tentang langkah-langkah terbaik dan tepat dalam usaha membela nasib rakyat Afghanistan.

WADAH berusaha untuk memanfaatkan peluang ini juga bagi mengukuhkan saf dakwah di dalam dan di luar negara, dan menggerakkan mereka membantu dan mengangkat kembali kehormatan umat Afghanistan yang terpaksa berdepan dengan perpeperangan dan penjajahan lebih separuh abad lamanya. Kita yakin pendekatan dakwah merupakan manhaj arus perdana terbaik masa kini bagi menangani isu dan hal ehwal umat Islam semasa.

### **Nahdah Umat di Malaysia di Persimpangan**

Simpang siur dan hambatan Nahdah Umat di peringkat antarabangsa juga memberikan tempiasnya di negara kita. Kelihatan banyak persimpangan yang perlu ditempuh oleh harakah kita dalam menjayakan Nahdah Umat di Malaysia hari ini.

Dalam hubungan ini, kita ingin menyatakan rasa gusar dan gelisah dengan penularan fenomena di mana kuasa dan pegangan politik dijadikan sebagai kiblat kebenaran. Fenomena ini lebih mendukacitakan apabila kedapatan sebahagian pendokong perjuangan dakwah yang juga terjebak dengan kekaburuan permainan kuasa sehingga sanggup meninggalkan pangkalan perjuangan demi kepentingan politik diri dan kumpulan. Idealisme kebenaran dan keadilan yang menjadi prinsip perjuangan dakwah mendepani pertembungan ideologi kebendaan selama ini telah dikesampingkan begitu mudah seolah-olah ia tiada makna dan erti sama sekali.

Kemabukan kuasa sehingga sesetengah orang sanggup menggadaikan prinsip perjuangan Islam serta menjadikan kuasa politik seumpama kiblat kebenaran adalah hambatan nilai terbesar yang mesti kita hadapi dan tangani. Keceluaran nilai kebenaran yang berpaksikan kuasa politik yang menyerang umat kita ini sungguh membimbangkan. Pada hal, kuasa politik itu hanyalah ‘جانب من جوانب الدعوة’, iaitu hanya satu jenis sisi dalam sejumlah dimensi luas perjuangan Islam. Kekeliruan nilai dan pencemaran makna kebenaran yang tertimpa pada umat Islam dengan menjadikan kuasa politik sebagai paksi menentukan nilai baik dan buruk dalam kehidupan, merupakan musibah ilmu dan rohani yang tragis.

Wadah kita mesti terus bekerja keras mendepani hambatan nilai ini dengan menggiatkan usaha peningkatan kefahaman Islam bertunjangkan perspektif al-Quran dan al-Sunnah yang syumul di kalangan umat. Perbuatan mengkhianati prinsip perjuangan Islam walau atas apa juga alasan rasional tidak boleh sama sekali dipandang ringan.

Di tengah persimpangan yang penuh kecaburan ini, jalan perjuangan wadah kita adalah jelas iaitu perjuangan menegakkan kebenaran Islam yang luhur dan syumul demi kesejahteraan sekalian alam. Firman Allah SWT:

فَلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَذْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿يُوسُفٌ: ٤٠٨﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.*

Hambatan terbesar lain bagi Nahdah Umat di negara kita berkait dengan masalah kebejatan akhlak dan moral masyarakat akibat berleluasanya budaya dan amalan rasuah terutama dalam kalangan para pemimpin politik umat. Dalam hubungan ini, WADAH ingin mengucapkan penghargaan kepada Profesor Dr Mohd Kamal Hassan atas keberanian beliau menulis karya terbaru *Corruption and Hypocrisy in Malay Muslim Politics* (2021). Melalui karya ini, beliau mengkritik penularan budaya rasuah yang melanda para pemimpin umat hari ini. Sikap beliau ini kita anggap mewakili pendirian seluruh gologan ilmuwan Islam yang sedar di negara kita. Sesungguhnya, kritikan itu seiring dengan pendirian harakah kita sejak sekian lama yang berasa bimbang dengan fenomena kebejatan akhlak dan moral ini di kalangan masyarakat. Malah, harakah kita telah aktif terlibat menentang elemen-elemen penularan rasuah yang kini bertambah mewabak.

Dalam tulisannya, Profesor Mohd Kamal menegaskan (M. Kamal, 2021: v-vi):

*I am one of those citizens of Malaysia who are disgusted, appalled and sickened by two political phenomena of contemporary Muslim community (ummah) in Malaysia: i. political corruption and hypocrisy of Malay-Muslim political parties and politicians. ii. political disunity and fragmentation of the Muslim community. It appears to me that our sixty-four years of independence from British colonialism have brought the nation to its lowest ebb as far as immoral and unethical politics as well as disunity of the Muslim community are concerned.*

Harakah kita mesti memandang berat penularan wabak rasuah ini terutama terhadap para pemimpin negara. Sekiranya ia terus menular tanpa kawalan, bahana besar bakal menimpa seluruh umat. Ini kerana, rasuah boleh melunturkan pegangan agama, menggadai prinsip kehidupan dan membeli harga kebenaran. Rasuah yang mewabak akan mengaburi mata hati umat dalam menentukan pilihan terbaik dalam kehidupan berpandukan prinsip akhlak dan moral yang dituntut agama Islam. Rasuah mampu

menutup mata, telinga dan hati umat dan mendorong mereka ke jalan kehancuran diri, keluarga dan masyarakat demi kepuasaan kebendaan dunia.

WADAH akan terus bersikap tegas menolak wabak rasuah dan bersedia bekerjasama dengan semua pihak bagi memeranginya. Apa yang membimbangkan kita daripada wabak rasuah ini adalah bahananya dalam mempengaruhi nilai pemilihan kepemimpinan umat. Wabak rasuah mengancam kita dengan kelahiran barisan pemimpin umat yang terpilih akibat proses ‘jual-beli’ sokongan. Fenomena ini sekiranya tidak dihalang akan pasti meruntuhkan sistem demokrasi, manakala proses pilihan raya hanya sebuah gelanggang wayang. Wang dan harta akan menjadi ‘kuasa dan raja’ yang menentukan pilihan berpandukan kehendak para pemodal yang kaya.

Tiga rangkaian jahat dan angkuh yang melangsungkan kefasadan dan tegar menghalang kebenaran dan keadilan daripada ditegakkan ialah; (1) golongan Mutrafin, yakni mereka yang menikmati kemewahan yang berlebihan tanpa mempedulikan orang lain kecuali kepentingan perut diri mereka sendiri; (2) golongan Mala’ yakni warga elit dan mewah yang berupaya berkuasa; (3) golongan Raghib, gerombolan ulama korup yang menyokong kemungkar dan membolehkan sistem fasad berfungsi.

Ternyata, hambatan dalam menjayakan Nahdah Umat di negara kita masih berliku dan simpang siurnya yang panjang. Harakah kita juga ingin mengulangi penolakan kita untuk kesekian kalinya terhadap perbuatan dan propaganda memanipulasi identiti ‘agama’ dan ‘bangsa’ untuk tujuan kepentingan sempit meraih sokongan diri dan kumpulan oleh sebahagian masyarakat kita. WADAH menganggap hambatan pemikiran ini sebagai satu bentuk pencemaran akliah yang serius dan mesti ditegah daripada berleluasa meracuni pemikiran umat. Oleh itu, kita hendaklah terus-menerus mengingatkan umat Islam agar tidak terjebak dengan kegiatan mempromosi pencemaran akliah ini, apatah lagi terlibat menjadi pasukan ‘manipulator’ terhadap kurniaan identiti yang merupakan anugerah dan rahmat daripada Ilahi.

Hakikat kepelbagaian identiti umat manusia yang majmuk adalah fitrah kejadian serta rahmat Ilahi ke atas seluruh manusia dan alam. Kejadian manusia berpasangan dan berbeza watak, pegangan dan budaya merupakan rahmat yang bertujuan untuk membolehkan manusia kenal-mengenali, bertaaruf, berkerjasama serta belajar-mempelajari demi membina tamadun insani yang makmur dan diberkati.

Demikianlah matlamat dari rukun kemajmukan kehidupan ini sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مَّن ذَكَرْ وَأَنْشَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائلٍ لِتَعْرِفُوا إِنَّ أَكْرَمُكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ  
حَسْرٌ ﴿الحجّرات: ١٣﴾

Maksud: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang*

*lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Harakah kita telah menghayati falsafah dan rukun kemajmukan kejadian dan kehidupan sejak ia mula diasaskan lebih enam dekad lalu bermula ketika para aktivis WADAH masih bergelar mahasiswa kampus. Kita telah mempopularkan frasa – Islam sebagai penyelesaian kepada masalah masyarakat majmuk – sebagai tema Ucapan Dasar Presiden ABIM pada 1978 oleh Saudara Anwar Ibrahim. Rentetan itu, ratusan inisiatif berbentuk dialog ketamadunan melibatkan persoalan agama dan budaya dikembangkan menerusi seminar, penerbitan dan kunjungan. Mutakhir, Allahyarham Dr Siddiq Fadzil, bekas Presiden WADAH, mengungkapkan semula kepentingannya pada masa kini menerusi frasa – Fiqh Taayush yang menekankan model Hidup Bersama Dalam Budaya Damai – dalam pelbagai ucapan dan tulisannya. Harakah kita juga telah menyebarluaskan fikrah ini dengan giat sejak beberapa tahun kebelakangan agar ia dapat difahami dan dihayati dengan sempurna dalam sanubari umat.

Begitulah respons gerakan kita terhadap golongan manipulator yang mengembangkan ‘politik identiti’ di negara kita. Kita mesti menegah perbuatan mencemarkan pemikiran umat oleh golongan ini dengan mengemukakan pengertian yang sebenar sebagaimana dituntut berpandukan maqasid al-Quran secara ilmiah dan aman kepada seluruh masyarakat.

Seharusnya, identiti agama dan bangsa sesebuah masyarakat digembleng secara luhur dan seimbang untuk tujuan mencapai kemakmuran bersama. Nilai-nilai sejagat yang terkandung dalam ajaran agama serta kearifan lokal yang luhur yang dimiliki oleh setiap bangsa hendaklah diadun menerusi neraca ilmiah yang adil dan dijadikan rukun kesejahteraan masyarakat majmuk. Kepelbagai dan kemajmukan masyarakat sepatutnya tidak dipermasalahkan hingga memperluas jurang perbezaan dan rasa kebencian sesama anggota masyarakat pelbagai agama dan bangsa. Apa yang lebih membimbangkan, pencemaran akliah ini akan menjadi dorongan kepada kelompok berfikiran ekstrim menyebarkan budaya radikalisme dalam masyarakat.

Oleh itu, harakah kita hendaklah terus gigih dalam perjuangan memurnikan pemikiran umat berpandukan sumber dan perspektif pemikiran Islam yang luhur. Dakwah Ilmiah mesti diberi keutamaan dalam harakah kita. Krisis pemikiran umat Islam hendaklah ditangani dengan berhemah, kritis dan pembuktian yang kukuh. Nyata, kita mesti meningkatkan kegiatan tarbiah umat dengan memperluas kefahaman Islam berdasarkan manhaj *wasatiy*, *islahiy* dan *tanwiriy* kepada segenap lapisan masyarakat di negara kita.

### **Menjayakan Nahdah Umat Sebagai Agenda Dakwah**

Simpang siur dan hambatan Nahdah Umat sama ada di peringkat negara dan antarabangsa adalah manifestasi cabaran yang mesti kita hadapi bersama. Cabaran

ini tidak harus melemahkan jiwa dan iltizam dakwah kita. Malah, kita patut menaggapinya dengan positif berpandukan strategi kerja yang kukuh.

Sehubungan itu, kita ingin menganjurkan agar harakah kita memberi tumpuan terhadap beberapa Agenda Dakwah berikut demi memastikan Nahdah Umat akan dapat direalisasikan dengan jaya:

### **1. Integrasi: Keutuhan Saf**

Agenda Integrasi adalah rancangan mengukuhkan tanzim harakah agar perancangan amal Islami dapat dilaksanakan lebih efektif dan teratur. Proses integrasi bermaksud peningkatan gerak kerja penyelarasaran dakwah oleh tiga gabungan institusi – WADAH, ABIM, PKPIM di peringkat pusat, negeri, daerah dan agensi.

Agenda Integrasi ini akan membolehkan amalan gunasama sumber, dana dan tenaga yang dimiliki. Menerusi agenda integrasi, proses penyebaran sumber fikrah, pengurusan dana, pengarahan gerak kerja serta penggembangan para petugas dapat diselaraskan secara bijaksana dan seimbang.

Kita berharap agenda integrasi ini dijadikan keutamaan oleh Sekretariat Majlis Syura Kebangsaan selaku badan pengurusan induk jemaah. Sekiranya musyawarah bersama dapat dilaksanakan secara tertib, kita yakin agenda kerja penting ini akan dapat kita realisasikan dalam tempoh dua tahun akan datang.

### **2. Rasionalisasi: Berani Berubah**

Agenda Rasionalisasi sebagai gerak kerja harakah membawa maksud bahawa kita mesti melalui suatu proses pemurniaan iaitu *islah* dan *tazkiyah* dalam dari segi perancangan, pentadbiran, budaya dan tatakelola agar selari dengan keperluan dan tuntutan semasa dakwah.

Proses transisi marhalah dakwah ini memerlukan kita menoleh semula pencapaian lalu serta kelemahan yang menghimpit pergerakan dakwah kita selama ini. Oleh itu, kita mesti terbuka bermuhasabah dan berani untuk melakukan perubahan sekiranya ia dituntut.

Antara keutamaan dalam agenda rasionalisasi harakah ini ialah penilaian dan perancangan semula terhadap gerak kerja agensi-agensi di bawah naungan harakah. Rasionalisasi membolehkan kita mengatasi kelemahan, menganjurkan pembaharuan serta menentukan arah tuju baru demi keberkesanan dan kejayaan menyeluruh.

Sehubungan itu, kita ingin menganjurkan agar sekretariat penyelaras dan pembangunan agensi-agensi harakah yang telah pun wujud, bergerak lebih aktif dengan mewujudkan sistem pengurusan yang lebih tersusun. Penglibatan agensi harakah di peringkat negeri dan daerah hendaklah dipergiat dan seterusnya menggembung kekuatan mereka bagi memperkasa keupayaan harakah dakwah.

### **3. Digitalisasi: Manfaatkan Teknologi Digital**

Harakah dakwah kita di segenap peringkat hendaklah segera menyedari akan perubahan zaman yang sedang terjadi yang telah memberi impak radikal terhadap cara hidup masyarakat manusia. Oleh itu, Agenda Digitalisasi mesti menjadi satu keutamaan dakwah pada tahun-tahun akan datang.

Dunia hari ini sedang berganjak ke era masyarakat terbuka akibat gelombang kecanggihan teknologi digital. Proses digitalisasi masyarakat dunia mengubah segenap perkara sebagaimana yang kita sedang saksikan hari ini. Muktamar dan Ijtimak Haraki yang kita langsungkan ini adalah bukti akan realiti digitalisasi dan kepentingannya dalam kehidupan masa kini.

Oleh itu, di samping kita berwaspada pada kesan-kesan buruknya, harakah kita mesti memanfaatkan aspek positif teknologi digital ini untuk kepentingan pemerkasaan dakwah. WADAH amat sedar tentang kepentingan ini sebagaimana telah kita bangkitkan pada Muktamar Nasional di tahun lalu. Keutamaan dakwah ini dipertegaskan semula pada tahun ini sebagai komitmen penuh pimpinan terhadap agenda pengupayaan agenda digitalisasi harakah kita.

Oleh itu, sebagai langkah konkret, kita ingin menganjurkan agar satu Jawatankuasa Khas Pembangunan Teknologi Dakwah Digital diwujudkan bagi menggembangkan seluruh kepakaran dan kekuatan ke arah memastikan harakah kita bersedia dalam segenap aspek bagi mendepani cabaran baru dalam dunia dakwah masa kini.

### **4. Islamisasi dan Regenerasi: Demi Kesinambungan**

Kesinambungan Nahdah Umat sebagai sebuah projek ketamadunan harakah Islamiah amat berhubungan dengan keupayaan gerakan kita melestarikan Agenda Islamisasi umat dan Regenerasi para penyambung harakah dakwah Islamiah. Berasaskan perspektif ini, kita mempertegaskan keutamaan agenda penting ini untuk terus diperkuuhkan dalam gerakan dakwah.

Agenda Islamisasi melibatkan suatu gerak kerja yang tidak asing dalam konteks harakah kita. Malah, misi Islamisasi ialah nadi yang menggerakkan harakah ini selama ini. Beberapa dekad lalu, fokus misi Islamisasi adalah terhadap bidang dan sistem pendidikan negara. Kita bersyukur para aktivis dakwah kita telah memberikan sumbangan bermakna dalam agenda Islamisasi pendidikan negara.

Oleh itu, kita mesti terus mengukuhkan agenda Islamisasi ini dengan lebih lestari. Kita ingin menganjurkan agar fasa baru misi Islamisasi pada masa depan tertumpu pada masyarakat luar bandar di negara kita. Masyarakat di pendalaman, desa dan kampung di seluruh negara merupakan mad'u dakwah yang mesti diberi tumpuan terutama dari aspek peningkatan tahap kefahaman Islam dan penghayatan akhlak Islamiah yang lebih utuh.

Rentetan itu, WADAH hendaklah meningkatkan rancangan dakwah akar umbi dan komuniti secara besar-besaran. Model Dakwah Setempat hendaklah segera dibangunkan. Produk-produk dakwah setempat seperti program asuhan dan

pendidikan awal kanak-kanak (Taska dan Taski), program pendidikan al-Quran (Tahfiz Ummah), program Islamic Outreach ABIM (IOA), program jagaan dan bimbingan anak yatim (seperti Rumah Harapan oleh ABIM Kelantan) adalah antara contoh produk dakwah setempat yang boleh digerakkan dengan lebih meluas lagi sebagai wasilah kita berinteraksi dengan komuniti.

Ahli harakah juga mesti giat membangunkan model-model dakwah komuniti yang baharu sebagai strategi melaksanakan misi Islamisasi akar umbi. Produk-produk dalam bidang pertanian, perniagaan kecil dan sederhana, kebudayaan, kesenianan dan kesukanan adalah antara ruang-ruang baru dakwah yang mesti kita terokai sebagai jalan berkomukasi bagi melaksanakan misi Islamisasi.

Agenda Islamisasi di peringkat akar komuniti akan lebih berkesan sekiranya harakah kita dapat menjalinkan kerjasama dengan institusi dan badan pendidikan Islam rakyat di segenap peringkat. Dalam hubungan ini, fungsi strategik yang dimainkan oleh Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta institusi pendidikan Islam persendirian (Pondok, Maahad Agama dan Tahfiz) adalah penting untuk digembleng menerusi pendekatan perkongsian pintar. Menerusi jalinan kerja kependidikan ini, kita yakin ia akan memberikan impak besar terhadap usaha pemugaran nilai-nilai kehidupan berdasarkan Islam di kalangan masyarakat terbanyak.

Dalam rangka melaksanakan agenda Islamisasi akar umbi ini, peranan golongan agamawan atau asatizah amat penting. Mereka mesti digembleng sebagai jurucakap atau daie umat bagi pihak harakah dakwah kita.

Sejajar dengan itu, bersempena Muktamar kali ini, kita ingin mengesyorkan agar sebuah Majlis Murabbi Ummah diwujudkan yang bertujuan bagi mengembangkan para agamawan dan asatizah di negara kita. Para agamawan yang berfikiran terbuka, bersikap sederhana serta mendokong pendekatan Manhaj Maliziy perlu dikenal pasti sebagai anggota institusi ini. Pengukuhan saf para agamawan pasti akan mengukuhkan kedudukan harakah dakwah seterusnya berperanan sebagai barisan pelapis baru yang akan kita gemblengkan bagi menjayakan Nahdah Umat.

## 5. Islah Daulah: Dasar Awam Untuk Kesejahteraan Rakyat

Keutamaan dakwah terakhir yang ingin kita lontarkan pada muktamar ini ialah kepentingan bagi harakah kita menggerakkan kepakaran profesional bagi menjayakan Agenda Islah Daulah. Sesungguhnya agenda ini boleh diterjemahkan menerusi proses membina dan mempengaruhi dasar awam (public policy) berorientasikan kepentingan rakyat watan.

Alhamdulillah, harakah kita memiliki ramai para ilmuwan dan profesional dalam pelbagai bidang kepakaran yang kini telah bergabung di bawah payung Nadwah Ilmuwan yang kita asaskan. Oleh itu, kita mesti mengembangkan kekuatan mereka untuk terlibat dengan proses pembinaan dasar-dasar awam yang berorientasikan kesejahteraan rakyat.

Agenda Islah Daulah ini tidak bererti kesemua aktivis dakwah mesti terjun ke gelanggang politik berbentuk kepartaian. Sementara kita menggalakkan para aktivis dakwah yang berketrampilan untuk terjun ke gelanggang politik negara secara langsung, ini tidak pula bermakna para aktivis yang memilih jalan dakwah untuk berpeluk tubuh dan menyerahkan urusan dasar negara kepada para politikus semata-mata.

Sehubungan itu, para ilmuwan dan profesional hendaklah aktif membangunkan wacana dan kajian terhadap dasar-dasar awam negara yang amat luas antaranya dalam bidang pendidikan, sosial, bahasa, ekonomi, urustadbir, kesihatan, pertanian, perundangan, sains dan teknologi serta keagamaan. Menerusi kajian saintifik, para ilmuwan dan profesional harakah dianjurkan mengemukakan pembaharuan dasar yang sesuai untuk kemaslahatan rakyat dan negara.

Pembangunan dasar awam berorientasikan rakyat adalah satu tuntutan segera pada masa kini. Harakah dakwah kita tidak boleh hanya menonton realiti-realiti tempang yang terjadi misalnya berkait kenaikan harga barang asas yang melambung tinggi, tahap keupayaan kesihatan awam, permasalahan kemiskinan serta persoalan integrasi nasional yang masih rapuh. Kesemua persoalan itu adalah antara contoh aspek-aspek dasar awam yang mesti diperkukuh bagi mengisi agenda Islah Daulah.

Sehubungan itu, amat wajar Nadwah Ilmuwan selaku badan yang dipertanggungjawabkan menyelaras gerak kerja keilmuan harakah mengemukakan rancangan kukuh ke arah merealisasikan agenda dakwah ini. Barangkali juga, wajar untuk kita mula memikirkan penubuhan Institut Kajian Dasar Awam sebagai institusi khusus di bawah naungan Jemaah bagi menjayakan agenda Islah Daulah dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

### **Pelan Induk Nahdah Umat Malaysia (NUM): *Min huna nataqaddam – Dari sini kita maju***

Sebagai khatimah, bersempena 15 tahun penubuhan WADAH, telah tiba masanya untuk harakah kita membangunkan suatu rancangan kerja jangka panjang dakwah demi menjayakan misi Nahdah Umat yang menjadi tema keperihatinan kita pada Muktamar kali ini. Sehubungan itu, kita ingin mengesyorkan agar Pelan Induk Nahdah Umat Malaysia (NUM) dibangunkan secara komprehensif untuk tempoh satu dekad akan datang.

Pelan Induk NUM ini hendaklah mengandungi enam tonggak berikut iaitu:

- i. Rohaniah
- ii. Ilmiah
- iii. Thaqafiah
- iv. Jamahiriah
- v. A'lamiah
- vi. Harakiah.

Dalam erti kata lain, pelan induk ini mesti mengandungi rancangan memperkasa ketahanan rohani dan emosi, berteraskan dasar ilmu Islam, mengukuhkan ketahanan nilai dan akhlak, menekankan dakwah yang merangkul masyarakat akar umbi, merentas benua antarabangsa dan urus tadbir organisasi dakwah yang berdisiplin dan kukuh.

Kita yakin, Pelan Induk NUM akan menjadi kerangka dasar, landasan gerak kerja terancang dan strategi dakwah untuk memandu gerak kerja amal Islami harakah dalam tempoh satu dekad akan datang. Menerusi pelan ini, kita perlu merangka segala rencana melibatkan aspek-aspek strategik gerakan dakwah yang meliputi pembangunan infrastruktur, pengukuhan sumber daya, pengupayaan dana, peluasan jaringan dan kerjasama, pembangunan ilmiah, penyebaran persuratan dakwah, pemantapan agensi, penerapan teknologi dan pembentukan institusi baru. Kesemua aspek ini adalah penting demi memastikan harakah kita berdaya saing sejajar dengan perubahan zaman.

Pelan Induk NUM adalah langkah persediaan bagi harakah kita beralih dari marhalah dakwah ke peringkat daulah dan khilafah. Pelan ini adalah ikhtiar untuk kita melangkah maju ke hadapan – *min huna nataqaddam*.

Kita berharap, sekretariat urusan gerakan dapat memberi tumpuan terhadap penyelarasan pembangunan pelan induk ini dengan gigih. Rancangan besar dan jangka panjang ini memerlukan satu program libat urus meluas merangkumi seluruh sektor dalaman dan masyarakat umum di negara kita. Oleh itu, program-program muzakarah dan bengkel perancangan hendaklah mula digerakkan secara teratur dalam rangka ini. Kita berharap pada Muktamar Nasional ke-16 tahun hadapan, Pelan Induk NUM ini akan dapat kita luncurkan secara rasmi dan menjadi rancangan kerja komprehensif memandu ikhtiar seluruh warga harakah di segenap peringkat untuk berganding bahu menjayakan cita-cita membangunkan cita-cita unggul Membina dan Membangun Tamadun Khayra Ummah.

*Selamat bermuktamar pada semua.  
Wassalamu A'laikum Warahmatullah.*

## Rujukan

- Abdulhamid AbuSulayman (1993). *Crisis in the Muslim Mind*. International Institute of Islamic Thought,
- Al-Faruqi (1968). *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. McGill.
- M. Kamal Hassan (2021). *Corruption and Hypocrisy in Malay Muslim Politics: The Urgency of Moral-Ethical Transformation*. Emir Research.
- Siddiq Fadzil (2013). *Memugar Pendidikan keinsanan*. Akademi Kajian Ketamadunan.

**Biodata Dato' Ahmad Azam Ab Rahman**



Dato' Ahmad Azam Ab Rahman ialah Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), NGO yang bergerak untuk memperkasa umat dengan meningkatkan kesedaran dan kecerdasan daya fikir melalui pengembangan literatur, perbahasan dan wacana ilmu yang berkualiti serta pernyataan pandangan yang jelas dan tegas. Beliau merupakan Pengerusi Global Peace Mission Malaysia (GPM) yang mempunyai operasi kemanusiaan di lebih 30 buah negara dan Pengerusi Pertubuhan Jaringan Islam Global Masa Depan (JREC) yang mengelolakan lima sekolah anak-anak pelarian yang mendapat dokongan daripada UNHCR. Dato' Ahmad Azam telah dilantik sebagai ahli OIC-IPHRC bagi sesi 2019- 2022 dan merupakan Timbalan Setiausaha Agung Union of NGOs in the Islamic World (UNIW) bagi kawasan Asia Pasifik sejak 2015 sehingga kini. Beliau yang berpendidikan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Perniagaan dari Indiana State University dan MBA dari Stephen F. Austin State University, Amerika Syarikat telah mendapat pelbagai anugerah tempatan dan antarabangsa atas ketokohnya dalam bidang kemasyarakatan dan kemanusiaan termasuk Pingat Bakti Belia Malaysia, Darjah Setia Pangkuhan Negeri Pulau Pinang, The Royal Order of Monisaraphon Moha Sena dan The Royal Order of the Kingdom of Cambodia. Beliau kini juga merupakan Penasihat Khas kepada Menteri Luar Malaysia bagi Afghanistan.

